

MAKOM SMK Labuan Beri Pengiktirafan Kejayaan Pelajar



Labuan, 28 Okt – Majlis Anugerah Kokurikulum (MAKOM) SMK Labuan telah diadakan bertempat di Dewan Mutiara, SMK Labuan yang telah dirasmikan oleh Encik Asbola Amit, Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan, wakil rasmi Pengarah Jabatan Pendidikan WP Labuan.

MAKOM memberi pengiktirafan atas kejayaan-kejayaan pelajar mendapat sekurang-kurangnya tempat ketiga dalam pertandingan-pertandingan peringkat WP Labuan, peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa.

Adik Md Alias bin Muhammad Junaidi dan adik Noor Azizah Abdul Aziz telah dinobatkan sebagai Putera Puteri Kokurikulum 2017 SMK Labuan.

Kejayaan yang diperolehi adik Md Alias ialah dinobatkan sebagai atlit terbaik bawah 15 Kejohanan Balapan dan Padang MSSWPL, Johan Chimney Run 11 km WP Labuan dan Johan Koop Run 6 km.

Manakala adik Noor Azizah dipilih berdasarkan pencapaian Peserta Terbaik Kem Biodiversiti Peringkat Kebangsaan, Peserta Perempuan Terbaik Kem Pendidikan Luar Peringkat Kebangsaan dan Presiden Kelab Interact SMKL.



Tokoh Kokurikulum Pra Universiti pula diberikan kepada adik Hegalashini a/p Gopalakrishnan di atas kejayaan dalam kejohanan-kejohanan Olahraga Terbuka Beaufort, Terbuka Sabah, BIMP-EAGA.

Dalam ucapan aluan, Pengetua SMK Labuan Encik Ismail berkata, kejayaan SMK Labuan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah membuka minda dan meningkatkan keyakinan warga SMK Labuan bahawa kejayaan peringkat kebangsaan dan antarabangsa bukan hanya impian yang sukar dicapai tetapi merupakan matlamat yang boleh dicapai dengan komitmen dan usaha yang gigih.

Beliau juga mengucapkan penghargaan kepada jabatan dan NGO yang paling aktif membantu sekolah dalam aktiviti kokurikulum iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) WP Labuan, 51 Kompeni Komposit ATM (Darat) dan Persekutuan Pengakap Malaysia WP Labuan (PPMWPL).

Sementara itu, En Asbola mengambil kesempatan merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada seluruh warga SMK Labuan

kerana pada tahun ini SMK Labuan telah melakar banyak kejayaan di peringkat negeri mahupun kebangsaan sama ada dalam bidang kurikulum ataupun kokurikulum. Kejayaan ini telah menjadikan SMK Labuan sebagai salah sebuah sekolah yang terbaik di WP Labuan.

Perkara yang menarik bagi saya tentang SMK Labuan ini adalah slogan 'Setiap Murid Bernilai'. Amat sesuai dan bertepatan sekali slogan yang dizahirkan kerana kita sedar bahawa setiap pelajar yang datang ke sekolah pada setiap hari ini mempunyai bakat atau kecenderungan masing-masing. Keistimewaan dan kebolehan seseorang pelajar itu bukan terletak kepada kecemerlangan dalam pelajaran sahaja tetapi dalam bidang kokurikulum juga. Jelaslah segala kelainan bakat dan kebolehan pelajar SMK Labuan ini telah berjaya mengangkat nama SMK Labuan untuk cemerlang dalam bidang kokurikulum di peringkat yang lebih tinggi. katanya lagi.

Pada majlis tersebut juga, penghargaan diberikan kepada 51 Kompeni Komposit ATM (Darat), diwakili oleh Pegawai Waran II Mohd Ali Akber bin Karim, Persekutuan Pengakap Malaysia WP Labuan (PPMWPL) diwakili oleh Encik Han Siew Kwong dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) WP Labuan dihadiri sendiri oleh Encik Zainal Madasin (Pengarah JBPM WP Labuan), bagi menghargai jasa dan bantuan yang diberikan kepada pihak sekolah dalam menjayakan program sekolah.



Encik Ismail menyampaikan plak penghargaan kepada Encik Zainal

Turut hadir Tn Hj Hussin Salleh (Timbalan YDP PIBG SMKL), En Mohd Nizam Yasim (Pegawai Angkat SMKL), En Ag Rozlan Manan (PK Pentadbiran), En Cheah Teong Aik (PK Kokurikulum), Pn Zalina Zunkepely (PK HEM), En Saminan Sabtu (PK Pra U)

Sumber Berita : SMK Labuan